

SIJIL PEMATUHAN CUKAI/ TAX COMPLIANCE CERTIFICATE (TCC) [PANDUAN RINGKAS UNTUK WARGA UM]



Perubahan dalam proses perolehan Universiti Malaya selaras dengan penguatkuasaan TCC.

Apa Itu Tax Compliance Certificate (TCC)?

- TCC adalah **dokumen prasyarat yang perlu dikemukakan** oleh pembayar cukai/ pembida semasa membuat permohonan perolehan Kerajaan.
- Dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)

Tanggungjawab Staf (Pemohon/ Pentadbir/ Pelulus)


- Memeriksa kepatuhan TCC dalam setiap dokumen permohonan perolehan
- Mengesahkan ketulenan TCC yang dikemukakan oleh pembekal/pembida
- Memastikan TCC masih sah (dalam tempoh tahun semasa)
- Memastikan pembekal/pembida mengemukakan TCC yang betul untuk entiti perniagaan mereka

Mekanisma Pelaksanaan

- Pengemukakan TCC **diwajibkan bagi semua kaedah perolehan di bawah semua kategori** bekalan, perkhidmatan (perunding dan bukan perunding) dan kerja
- Semakan pematuhan dokumen TCC hendaklah dilaksanakan di peringkat **pembukaan dokumen tawaran**. Sekiranya tiada TCC, pembekal/pembida tidak layak dinilai ke peringkat seterusnya.
- TCC hanya **sah untuk tahun semasa** (cth: TCC 2025 sah hingga 31 Disember 2025)
- **Tiada pengecualian TCC** termasuk untuk pembekal di zon perdagangan bebas atau zon perindustrian bebas

CARA MENGESAHKAN KETULENAN TCC?

- Muat turun aplikasi mobile MyTax dari:
 - Google Play (Android)
 - App Store (iOS)
 - AppGallery (Huawei)
- Gunakan fungsi “Semakan Ketulenan TCC” dalam aplikasi
- Imbas kod QR yang dipaparkan pada TCC pembekal
- Pastikan maklumat yang dipaparkan di skrin telefon pintar sama dengan maklumat di TCC
- Sekiranya maklumat yang dipaparkan di aplikasi mobile MyTax adalah tidak lengkap atau berbeza dengan maklumat di TCC yang diberikan oleh pembayar cukai/ pembida, TCC tersebut adalah palsu dan tidak sah.



TINDAKAN JIKA TERDAPAT KERAGUAN

Jika anda ragu-ragu tentang ketulenan TCC atau tidak dapat mengenal pasti sama ada TCC yang dikemukakan adalah betul:

- Hubungi Urus Setia Pelaksanaan TCC LHDN melalui e-mel: tcc@hasil.gov.my
- Atau hubungi HASiL Contact Centre: 03-8911 1000 (dalam negara) atau 603-8911 1100 (luar negara)

ATAU terus berhubung dengan kami:

- Pusat Perolehan, Jabatan Perkhidmatan Kewangan, Pejabat Bendahari
- unit_perolehan@um.edu.my

